

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 02.09.2025 MASA: 09.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PERASMIAN MAJLIS PENGHARGAAN SUKARELAWAN
SEBERANG PERAI : *THE UNSUNG HEROES***

TARIKH / MASA / TEMPAT

**2 SEPTEMBER 2025 (SELASA)
2.30 PETANG**

**AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA
SEBERANG PERAI TENGAH**

Disediakan oleh USAS dan disemak oleh Jabatan Korporat

Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSP 2025

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YB Tuan Chee Yeeh Keen

Adun Bagan Jermal

Yang Berusaha Encik Kishore Ramdas

Pengurus Projek Leveling Up Seberang Perai

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Wakil-Wakil Persatuan, Pasukan Penyelidik Dan Para Jemputan Yang Dihormati

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada petang ini dalam satu majlis yang penuh makna iaitu Majlis Penghargaan Sukarelawan Seberang Perai : *The Unsung Heroes*.
2. Majlis pada hari ini diadakan sebagai tanda penghargaan yang tulus kepada para sukarelawan yang telah mencurahkan tenaga, masa, kepakaran dan keikhlasan demi kesejahteraan masyarakat. Pengorbanan mereka tidak ternilai dan wajar diberi pengiktirafan yang sewajarnya.
3. Sukarelawan adalah nadi dan penggerak perubahan dalam masyarakat. Mereka hadir bukan kerana mengharapkan balasan tetapi kerana rasa tanggungjawab, kasih sayang dan kepedulian terhadap komuniti sekeliling. Inilah sifat murni yang menjadikan mereka wira sebenar – wira tanpa didendang – yang menyumbang secara senyap namun memberi kesan mendalam dalam membentuk masyarakat inklusif, berdaya tahan dan sejahtera.

4. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Think City selaku penyokong utama projek ini melalui pembiayaan dana dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia, Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta MBSP sendiri. Tidak lupa juga penghargaan kepada pasukan penyelidik Universiti Sultan Azlan Shah yang telah menjalankan kajian dan dokumentasi bagi menjayakan projek ini. Usaha ini jelas memperlihatkan keberkesanan kolaborasi strategik antara kerajaan, institusi penyelidikan dan pihak berautoriti tempatan dalam memartabatkan nilai kesukarelawanan.
5. Majlis Bandaraya Seberang Perai amat menitikberatkan pembudayaan semangat sukarelawan dalam kalangan masyarakat. Melalui pengiktirafan yang diberikan hari ini, kita bukan sahaja meraikan individu-individu yang telah menyumbang tetapi juga menggalakkan lebih ramai warga untuk tampil menyertai gerakan sukarela demi kemajuan dan kesejahteraan bandar raya ini.
6. Agenda pembangunan MBSP berlandaskan visi untuk menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya hijau, berdaya tahan dan mampan. Aspirasi ini tidak mungkin dicapai tanpa sokongan padu daripada masyarakat khususnya golongan sukarelawan. Justeru, peranan sukarelawan adalah pelengkap kepada dasar dan inisiatif yang digerakkan oleh pihak berkuasa tempatan.

7. Saya berharap agar kisah, semangat dan pengorbanan para *Unsung Heroes* yang diraikan pada hari ini menjadi sumber inspirasi untuk kita semua. Perubahan besar sentiasa bermula daripada langkah kecil, tetapi apabila dilakukan dengan konsisten dan penuh keikhlasan ia mampu membawa impak yang besar kepada masyarakat. Setiap sumbangan sama ada dalam bentuk masa, tenaga, ilmu mahupun kepakaran merupakan amal yang akan terus dikenang dan memberi manfaat jangka panjang.
8. Akhir kata saya ingin sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada semua sukarelawan yang diraikan pada hari ini. Semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin untuk memperkasa budaya kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat dan seterusnya membawa Seberang Perai ke arah masa depan yang lebih makmur, lestari dan inklusif.
9. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Majlis Penghargaan Sukarelawan Seberang Perai : *The Unsung Heroes***.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.